



KENYATAAN MEDIA
MENTERI ALAM SEKITAR DAN AIR

MAJLIS PENYERAHAN PROJEK PERTAMA WAKAF AIR KEPADA PENDUDUK
KAMPUNG MELAYU SEELONG, SENAI, JOHOR BAHRU

1. Hari ini saya telah menyerahkan sistem bekalan air terawat kepada penduduk Kampung Melayu Seelong yang biayai pembinaannya melalui Tabung Wakaf Tunai Khas Perkhidmatan Air Malaysia atau ringkasnya 'Wakaf Air'. Projek ini adalah merupakan projek pertama Wakaf Air yang mana telah dilancarkan pada 17 Disember 2020 lalu hasil kerjasama strategik Kementerian Alam Sekitar dan Air (KASA) dan Yayasan Waqaf Malaysia (YWM).
2. Majlis penyerahan projek ini turut disaksikan oleh YB. Tuan Haji Tosrin bin Jarvanthi, Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Agama Islam, Kerajaan Negeri Johor, YBrs. Encik Abdul Halim bin Mat Yusop, Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif YWM, YBhg. Datuk Ahmad Faizal Abdul Rahman, Ketua Pegawai Eksekutif, Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN).
3. Sistem bekalan air terawat ini telah disediakan oleh SPAN dan operator air Syarikat Air Johor-Ranhill dengan menggunakan pembiayaan daripada Wakaf Air berjumlah **RM34,776.00**. Sistem ini disambungkan dari sistem retikulasi Taman Impian Jaya, Seelong dan ditakung dalam tangki sedutan berkapasiti 500 gelen untuk dipam ke tangki pengimbang berkapasiti 1,500 gelen sebelum disalurkan ke rumah penduduk kampung.
4. Sebanyak **16 buah rumah** akan menerima manfaat daripada pelaksanaan projek ini bagi menyelesaikan masalah bekalan air sedia ada yang mana sebelum ini bergantung kepada sumber air tidak terawat daripada pengepaman air telaga, anak sungai, tadahan air hujan, tadahan air mata air.
5. Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua pihak yang bekerjasama untuk menjayakan projek-projek ini khususnya kepada para penyumbang tabung Wakaf Air.

- TAMAT -

YB Dato' Sri Tuan Ibrahim bin Tuan Man
Menteri Alam Sekitar dan Air
5 MAC 2021

MAKLUMAT TAMBAHAN

1. Sepanjang bulan Mac dan April 2021, KASA akan menyerahkan 4 lagi projek perintis Wakaf Air kepada penerima manfaat di Selangor (2 projek) Perak (1 projek), Pahang (1 projek).
2. Sejak pelancarannya pada 3 bulan lalu iaitu 17 Disember 2020, Wakaf Air telah berjaya mengumpulkan sumbangan daripada orang awam berjumlah hampir **RM400 ribu**.
3. KASA menyeru kepada masyarakat untuk terus menyumbang bagi membolehkan lebih ramai lagi pihak menikmati manfaat tabung Wakaf Air tanpa mengira agama dan keturunan. Sumbangan wakaf ini boleh disalurkan menerusi Sistem Wakaf Tunai Malaysia yang boleh dicapai melalui pautan <https://www.ywm.gov.my/wakaf-air>.